

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September - Oktober 2003

**ZCT 210/4 - Analisis Kompleks dan Persamaan Pembezaan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **ENAM** soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Diberi nombor kompleks  $P = 3 + 4i$ .


- (a) Lakarkan  $P$  di dalam satah kompleks. (10/100)
- (b) Tukarkan  $P$  ke dalam bentuk kutub,  $P = r e^{i\theta}$ . (15/100)
- (c) Terbitkan semua punca yang berbeza bagi  $P^{1/3}$ . (40/100)
- (d) Lakarkan punca-punca ini di dalam satah kompleks. (15/100)
- (e) Nilaikan  $P^{1-i}$ . (20/100)

2. Diberi  $f(z) = 4z^3 + 2i$

- (a) Nilaikan  $\int_{-2}^2 f(z)dz$  dengan kamiran biasa. (30/100)
- (b) Nilaikan  $\int_{-2}^2 f(z)dz$  sepanjang lintasan  $C_1$  (sila rujuk Rajah 1). (30/100)

- (c) Nilaikan  $\int_{-2}^2 f(z)dz$  sepanjang lintasan  $C_2$  (sila rujuk Rajah 1).

(40/100)

Rajah 1

[Nota: Lintasan  $C_1$  ialah satu garis lurus dari  $(-2,0)$  ke  $(2,0)$ ]

[Nota: Lintasan  $C_2$  ialah satu semi-bulatan yang berjejari 2 dan berpusat pada  $z = 0$ ]

3. Diberi  $g(z) = \frac{1}{z^3 + 1}$

- (a) Cari kutub-kutub yang terhingga bagi  $g(z)$ . (15/100)

- (b) Lakarkan kutub-kutub ini di dalam satah kompleks. (15/100)

- (c) Cari reja-reja bagi  $g(z)$  pada kutub-kutub ini. (25/100)

- (d) Nilaikan kamiran,  $I = \int_{-\infty}^{\infty} g(z)dz$  dengan teorem reja. (45/100)

4. Pertimbangkan persamaan pembezaan yang berikut:

$$2xy'' + y' + xy = 0 \quad (I)$$

- (a) Tunjukkan bahawa persamaan pembezaan (1) mempunyai titik singular biasa (regular singular point) pada  $x = 0$  (10/100)
- (b) Selesaikan persamaan pembezaan (1) dengan menggunakan kaedah Frobenius – tentukan persamaan indicial (indicial equation), persamaan rekursi (recurrence relation) dan punca-punca persamaan indicial (roots of the indicial equation). Dari punca-punca persamaan indicial, cari penyelesaian bersiri (series solution) bagi persamaan pembezaan (1) (90/100)

5. Pertimbangkan persamaan pembezaan yang tidak homogen ini:

$$2y'' + 3y' + y = x^2 + 3\sin(x) \quad (2)$$

- (a) Cari penyelesaian am bagi persamaan homogen (complementary solution)  $y_c(x)$ , yang terturun dari persamaan pembezaan (2). (20/100)
- (b) Cari penyelesaian  $y_p(x)$  (particular solution), bagi persamaan pembezaan (2) dengan kaedah koefisien yang tak ditentukan (undetermined coefficients). (75/100)
- (c) Dari keputusan dalam (a) dan (b), nyatakan penyelesaian am bagi persamaan pembezaan (2). (5/100)

6. Pertimbangkan persamaan pembezaan yang berikut:

$$dx + \left\{ \frac{x}{y} - \sin(y) \right\} dy = 0 \quad (3)$$

- (a) Tunjukkan bahawa persamaan pembezaan (3) adalah tepat (exact equation). (10/100)
- (b) Cari faktor pengamir (integrating factor) yang sesuai supaya persamaan pembezaan (3) adalah tepat bila didarab dengan faktor pengamir tersebut. (15/100)
- (c) Dengan keputusan dari (b), cari penyelesaian am bagi persamaan pembezaan (3) (75/100)